

Metodologi Tajwid Sulayman Al-Jamzuri (W. 1227H) Pada *Manzumah Tuhfah Al-Atfal*

Muhammad Ammar Farhan bin Ramlan

Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan Dan Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Dan Pengurusan
Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000, Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 0189781774 E-Mail: ammarfarhan@upnm.edu.my

Muhammad Syafee Salihin bin Hasan

Jabatan Tahfiz al-Quran Dan Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam
Selangor, 43000, Selangor, Malaysia.

Tel: 0139917262 E-Mail: msyafee@kuis.edu.my

Ahmad Fikri Ihsan bin Mohd Khairuddin

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka, 78200, Melaka, Malaysia.

Tel: 0145291637 E-Mail: ahmadfikriihsan@unimel.edu.my

Abstrak

Sulayman al-Jamzuri (w. 1227H) merupakan seorang tokoh ulama al-Quran yang telah memberi sumbangan yang besar kepada umat Islam terutama dalam ilmu tajwid sama ada dari sudut *riwayah* dan juga *dirayah*. *Manzumah Tuhfah al-Atfal* merupakan salah satu karya agung yang ditulis oleh beliau dalam memberi panduan serta menyelesaikan beberapa isu permasalahan ilmu tajwid. Didapati *manzumah Tuhfah al-Atfal* ini sangat masyhur dipelajari di masjid atau institusi pengajian al-Quran di negara Arab dan Timur Tengah. Bahkan menjadikan kewajipan kepada para pelajar al-Quran di sana untuk mempelajari serta menghafal setiap rangkap *bayt manzumah* ini. Berbeza pula pendekatan pengajian ilmu tajwid di Malaysia yang lebih mesra menggunakan pendekatan dalam bentuk karangan atau huraian berbanding pendekatan dalam bentuk *manzumah*. Adakah pendekatan pengajian ilmu tajwid dalam bentuk *manzumah* di Malaysia ini sesuai diterapkan? Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk memperkenalkan ketokohan Sulayman al-Jamzuri dalam ilmu tajwid serta metodologi beliau yang disusun pada *manzumah tuhfah al-Atfal*. Kajian ini dilaksanakan dengan reka bentuk analisis kandungan iaitu data-data yang bersumber dari *manzumah tuhfah al-Atfal* serta buku-buku yang berhubungan dengan perbincangan demi mencapai objektif yang telah digariskan. Penulis berharap agar penulisan ini dapat memberi pendedahan akan kepentingan menguasai ilmu tajwid secara *riwayah* dan *dirayah* melalui pendekatan perbincangan dalam bentuk *manzumah*.

Kata kunci: tajwid, sulayman al-Jamzuri, manzumah, matan, tuhfah al-Atfal

Pengenalan

Definisi tajwid dari sudut bahasa ialah kata terbitan yang berasal daripada perkataan *jawwada yujawwidu* iaitu mengelokkan (Umar, 2008). Apabila seseorang menggunakan perkataan *jawwada* dalam percakapan bererti elok seperti *jawwada fulan al-Syay* (Dia melakukan sesuatu dengan elok). Dengan makna lain, *jawwada* ialah kecekapannya pada tahap maksimum dan pembaikannya mencapai pada tahap akhir (Al-Dani, 2000).

Tajwid dari sudut istilah pula ialah perhiasaan dan keindahan bacaan iaitu memberikan hak-hak huruf, menyusun hak-hak tersebut dengan susunan yang betul, mengembalikan huruf kepada makhrajnya dan asal usulnya, melampirkannya dengan apa yang seumpamanya, memperbetulkan sebutan huruf, berupaya menyebut sebutan huruf bersesuaian dengan bentuk dan kesempurnaan keadaanya tanpa berlebih-lebihan dan bermudah-mudahan (al-Jazari, 2001). Maka, ilmu tajwid ialah sebuah ilmu mengetahui tentang kaedah-kaedah tajwid serta penguasaan sebutan huruf dan kalimah al-Quran dari sudut teori dan praktikal (al-Husari, 1996).

Hukum membaca al-Quran dengan menepati seluruh kaedah tajwid adalah wajib ke atas pembaca al-Quran (Shukri, 2013). Para ulama bersepakat berdasarkan beberapa dalil dari al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Di antaranya dalil daripada al-Quran pada surah al-Muzammil, ayat 4, firman Allah SWT:

“Dan bacalah al-Quran dengan Tartil”

Ibn Kathir (w. 774H) mentafsirkan ayat ini dengan bacalah al-Quran dengan *tamahhul* iaitu perlahan-lahan, kerana hal itu akan membantu dalam memahami al-Quran dan menghayatinya (Kathir, 1999). Al-Dani (w. 444H) berpendapat bahawa ayat ini merupakan dalil kewajipan membaca al-Quran secara bertajwid (Al-Dani, 2000). Al-Husari (w. 1401H) turut menjelaskan bahawa perkataan *warattil* adalah *fi'l amr* (kata kerja suruhan) yang membawa maksud wajib. Kaedah menyebut bahawa asal kata kerja suruhan adalah wajib hukumnya kecuali terdapat tanda atau dalil yang mengubah daripada kewajipan tersebut (al-Husari, 1996).

Manakala, dalil daripada hadis Rasulullah SAW pula diambil daripada hadis sahih yang diriwayatkan oleh Qatadah.

عن قتادة، قال: سئل أنس كيف كانت قراءة النبي صلى الله عليه وسلم؟ فقال: كانت مداً، ثم قرأ: {بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ} بمد بيسم الله، ومد بالرحمن، ومد بالرحيم

[Al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Fada'il al-Qur'an, Bāb Mad al-Qira'ah*, no. hadith 5046]

Daripada Qatadah, beliau berkata: Saidina Anas ditanya bagaimana bacaan Nabi SAW? Lalu, beliau menjawab: “Bacaan panjang”. Kemudian beliau membaca “Bismillahirrahmanirrahim, Rasulullah memanjangkan pada bismillah, dan memanjangkan pada al-Rahman serta memanjangkan pada al-Rahim.”

Antara dalil hadis yang lain, Saidina Ali RA pernah berkata:

قال علي: إن رسول الله صلى الله عليه وسلم يأمركم أن تقرءوا كما علمتم

[Ahmad, *Musnad Ahmad, Musnad al-Khulafa' al-Rasyidin, Musnad 'Ali bin Abi Talib*, no. hadith 832]

Saidina Ali bin Abi Talib telah berkata: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w menyuruh kalian membaca al-Quran seperti mana kalian diajar".

Berdasarkan daripada dalil-dalil yang dinyatakan sebelum ini, jelas difahami bahawa membaca al-Quran dengan menepati seluruh kaedah tajwid seperti yang diajar oleh Rasulullah SAW kepada para sahabat RA merupakan satu kewajipan. Seseorang itu dikira berdosa apabila tidak membaca al-Quran secara bertajwid. Perkara ini turut ditegaskan oleh Ibn al-Jazari (w. 833H) seperti yang dinukilkan oleh beliau dalam *manzumah al-Muqaddimah al-Jazariyyah*. Ibn al-Jazari (2009) berkata:

وَالْأَخْذُ بِالتَّجْوِيدِ حَتْمٌ لَازِمٌ # مَنْ لَمْ يُجَوِّدِ الْقُرْآنَ آتَمَ

Dan mengambil (beramal) dengan tajwid adalah kewajipan. Sesiapa tidak memperelokan (bacaan) al-Quran (hukumnya) berdosa.

Shukri (2013) menjelaskan bahawa seseorang mampu menguasai bacaan al-Quran secara bertajwid dengan menggabungkan dua metode pembelajaran iaitu secara *riwayah* dan *dirayah*. Metode *riwayah* ialah mempelajari bacaan al-Quran dengan guru al-Quran secara *talaqqi musyafahah*. Metode ini dilaksanakan secara praktikal. Manakala metode *dirayah* pula ialah mempelajari seluruh kaedah tajwid serta mempraktikkan kaedah tersebut pada ayat al-Quran dengan membacanya dihadapan guru al-Quran. Metode ini didahului secara teori, kemudian secara praktikal.

Sejarah Penulisan Ilmu Tajwid

Pada permulaan perkembangan Islam, ramai dalam kalangan bangsa bukan Arab mula memeluk agama Islam sehingga terdapat kesukaran untuk membaca al-Quran. Di atas faktor ini, para ulama telah meletakkan panduan dan kaedah bagi memelihara kesahihan penyebutan huruf dan kalimah al-Quran. Di antaranya penulisan yang ditulis oleh Abu al-Aswad al-Du'aliyy dan al-Khalil bin Ahmad al-Farahidiyy. Perbincangan ilmu tajwid pada peringkat awal bermula dengan perbincangan makhraj dan sifat huruf. Perbincangan ini dapat dilihat pada penghujung perbincangan kitab *al-Nahw* dan *al-Sarf* seperti *al-Kitab* oleh Sibawayh, berjudul *al-Muqtadab* oleh al-Mubarrad dan selainnya. Adapun kemunculan perbincangan ilmu tawjid secara terperinci dalam sebuah kitab yang khusus muncul apabila keperluan umat Islam

menguasai bacaan al-Quran dari pelbagai aspek tajwid secara tepat dan betul (Suwayd, 2008 & al-Hamad, 2007).

Bermula pada awal kurun ke-4 hijrah telah muncul kitab tajwid sebagai satu ilmu yang khusus seperti membincangkan makhraj huruf, sifat huruf dan sebagainya. Menurut pandangan Ibn al-Jazari dalam kitabnya *Ghayah al-Nihayah* bahawa *Qasidah Ra'iyah* atau *Qasidah al-Khaqaniyyah* yang dikarang oleh Abu Mazahim Musa bin 'Ubaidillah al-Khaqani al-Bahgdadi, meninggal dunia pada 325 hijrah merupakan kitab pertama secara khusus membincangkan ilmu tajwid. Beliau menulis *qasidah* ini sebanyak 51 *bayt* yang membincangkan tentang ilmu tajwid. Namun begitu, penggunaan istilah tajwid tidak digunakan oleh beliau dalam *qasidahnya* akan tetapi menggunakan istilah *husnu al-Ada'* iaitu memperelokkan bacaan. Beliau berkata di dalam *qasidahnya* pada *bayt* kelima *ayya qari al-Qur'an ahsin ada'ahu*. Ini menunjukkan istilah tajwid belum masyhur pada zaman tersebut (al-Hamad, 2007).

Para ulama turut membincangkan dan berbeza pendapat dalam menentukan siapakah orang pertama yang menggunakan istilah tajwid dalam kitabnya? Secara ringkasnya, para ulama menjelaskan bahawa kitab-kitab tajwid yang ditulis menghampiri tahun penulisan *Qasidah al-Khaqaniyyah* itulah kitab awal menggunakan istilah tajwid diantaranya kitab *al-Sab'ah fi al-Qira'at* oleh Ibn Mujahid, meninggal dunia pada 324 hijrah. Setelah beliau, Abu al-Hasan 'Ali bin Ja'far al-Sa'idiyy, meninggal dunia pada 410 hijrah pula menggunakan istilah tajwid dalam kitabnya *al-Tanbih 'ala al-Lahn al-Jaliyy wa al-Lahn al-Khafiyy*. Para ulama menyatakan bahawa selepas zaman al-Sa'idiyy, penggunaan istilah tajwid semakin meluas dalam penulisan kalangan para ulama. Terdapat dua kitab besar yang muncul di Andalusia menggunakan istilah tajwid dalam penulisannya seperti kitab *al-Ri'ayah* oleh Makkiy bin Abi Talib al-Qaisiyy, meninggal dunia pada 437 hijrah dan kitab *al-Tahtid* oleh Abu 'Amru 'Uthman bin Sa'id al-Dani, meninggal dunia pada 444 hijrah (al-Hamad, 2007).

Setelah itu, didapati begitu banyak penulisan ilmu tajwid yang ditulis oleh para ulama sehingga ke zaman keemasan ilmu tajwid dan qiraat iaitu pada kurun ke-8 hijrah. Beliau ialah *al-Hafiz al-Muqri'* Imam Ibn al-Jazari (w. 833H) yang telah menghidupkan semula disiplin ilmu tajwid dan qiraat setelah berlakunya kemerosotan pada beberapa kurun sebelum itu. Kitab pertama yang beliau sumbangkan dalam bidang tajwid secara khususnya adalah kitab *al-Tamhid fi 'Ilm al-Tajwid* yang ditulis pada tahun 769H. Beliau siap menulis kitab ini pada bulan Zulhijjah 769 hijrah pada umur 18 tahun ketika beliau sedang bertalaqqi dengan para ulama di Kaherah (al-Jazari, 2001). Setelah itu, beliau menulis perbincangan ilmu tajwid dalam bentuk syair atau *manzumah* iaitu *al-Muqaddimah Fi Ma 'Ala Qari' al-Qur'an An Ya'lamah* atau dikenali dengan *al-Muqaddimah al-Jazariyyah* yang dikarang pada tahun 798H (al-Jazari, 2006 & al-Hamad, 2001).

Metode penulisan ilmu tajwid dalam bentuk *manzumah* masih diterapkan dalam kalangan ulama *mutakhirin*. Istilah *manzumah* membawa maksud syair didaktik iaitu syair yang bersifat mengajar (Mukhtar, 2008 & Zainuddin, 2008). Di antaranya, seorang ulama yang hidup pada kurun ke-12 hijrah iaitu Sulayman al-Jamzuri yang berjudul *Tuhfah al-Atfal*. Kehebatan *manzumah Tuhfah al-Atfal* ini masih digunapakai sehingga kini dan ia menjadi rujukan asas pembelajaran ilmu tajwid.

Biografi Sulayman Al-Jamzuri

Nama penuh beliau ialah Sulayman bin Husayn bin Muhammad bin Syilbi al-Jamzuri. Beliau digelar dengan gelaran *al-Afandiy*. *Al-Afandiy* berasal daripada bahasa Turki yang bermaksud tuan. Gelaran ini diberi kepada seseorang dengan tujuan penghormatan. Kadang kala, huruf *ya'* pada penghujung perkataan *al-Afandiy* ditukar kepada huruf *mim* dengan sebutan *al-Afandim* (Al-Latif, 2009). Beliau dilahirkan pada bulan Rabiulawal, tahun di antara 1163-1169 hijrah bersamaan 1750-1755 masihi di Tanta atau sekarang dikenali sebagai Tanta, al-Munifiyyah, Mesir. Para ulama tidak dapat menentukan tahun kelahiran beliau secara tepat akan tetapi para ulama mengkategorikan beliau sebagai ulama kurun ke-12 hijrah (Bahuta, 2022). Penisbahan al-Jamzuri merujuk kepada negeri ayahnya iaitu Jamzur di al-Munifiyyah, Mesir (Al-Latif, 2009).

Mazhab fikah bagi Sulayman al-Jamzuri ialah mazhab al-Syafii dan mazhab tasawuf beliau ialah tarekat al-Syazuli. Beliau telah menuntut ilmu daripada guru-gurunya yang kebanyakan berada di bandar Tanta. Di antara guru tajwid dan qiraat beliau ialah al-Syaikh Nur al-Din 'Ali bin 'Umar al-Mayhiyy (w. 1204H). Al-Syaikh Nur al-Din pula mempelajari ilmu tajwid dan qiraat daripada gurunya iaitu al-Syaikh Muhammad Mujahid al-Ahmadi (al-Daba', 2009). Al-Jamzuri juga mempunyai anak murid seperti al-Syaikh Abu al-Wafa' Nasr bin Nasr al-Wafa'i al-Huriniy (w. 1291H) yang masyhur dengan ilmu bahasa Arab, kesusasteraan dan pengkaji ilmu *turath* (warisan). Beliau meninggal dunia pada malam Sabtu, 8 Zulhijah 1227 hijrah bersamaan 12 Disember 1812 masihi di Tanta (Sya'ban, 2016).

Karya Penulisan

Keilmuan Sulayman al-Jamzuri yang luas dalam ilmu tajwid dan qiraat telah menghasilkan beberapa buah karya penulisan yang agung. Di antaranya ialah (Al-Latif, 2009 & Bahuta, 2022):

1. *Manzumah Tuhfah al-Atfal*.
2. *Fath al-Aqfal Bi Syarh Tuhfah al-Atfal*.
3. *Manzumah Kanz al-Ma'ani Bi Tahrir Hirz al-Amani*.
4. *Al-Fath al-Rahmani Bi Syarh Kanz al-Ma'ani Fi Qira'at al-Sab'*.
5. *Manzumah Fi Riwayat Warsh (Usul wa Farsh)*.
6. *Jami' al-Masarrah Fi Syawahid al-Syatibiyyah Wa Durrah*.
7. *Al-Durr al-Manzum Fi 'Azr al-Ma'mum*.
8. *Al-Tiraz al-Marqum Bi Syarh al-Durr al-Manzum*.

Fokus perbincangan penulisan ini pada karya yang berjudul *Manzumah Tuhfah al-Atfal* serta merujuk huraian *manzumah* tersebut pada karya yang berjudul *Fath al-Aqfal Bi Syarh Tuhfah al-Atfal*.

Pengenalan *Manzumah Tuhfah Al-Atfal*

Sulayman al-Jamzuri telah menamakan *manzumah* tajwid ini dengan nama *Tuhfah al-Atfal* (al-Jamzuri, 2009). Sebahagian ulama menyebut bahawa nama penuh bagi *manzumah* tajwid ini ialah *Tuhfah al-Atfal Wa Ghilman Fi Tajwid al-Qur'an* (Al-Matayri, 2008). Maksud *Tuhfah* dari sudut bahasa ialah sesuatu yang baik. Adapun maksud tersirat *Tuhfah* pada *manzumah* ini ialah hukum-hukum (tajwid). *Al-Atfal* dari sudut bahasa pula ialah perkataan jamak bagi perkataan tunggal *tifl* (kanak-kanak). Maka, maksud tersirat daripada gabungan perkataan *Tuhfah* dan *al-Atfal* pada *manzumah* ini ialah bagi sesiapa yang belum mencapai akil baligh atau kanak-kanak seperti aku pada (penguasaan) ilmu tajwid (al-Jamzuri, 2009). Gaya penulisan Sulayman al-Jamzuri pada ucapannya “kanak-kanak seperti aku pada (penguasaan) ilmu tajwid” telah menonjolkan sifat keperibadian beliau iaitu seorang yang bersifat tawaduk sedangkan keilmuan beliau dalam ilmu tajwid dan qiraat adalah sangat luas (Al-Latif, 2009 & Bahuta, 2022).

Manzumah ini disusun dengan *bahar al-Rajaz* iaitu menggunakan *wazan mustaf'ilun* مستعلن sebanyak 6 kali pada setiap rangkap *bayt*. Jumlah keseluruhan *bayt* dalam *manzumah* ini sebanyak 61 *bayt*. Jumlah ini dapat diketahui melalui petunjuk yang disebut oleh pengarang sendiri pada *bayt* terakhir pada kalimah *naddun bada* نَدَّ بَدَا. Huruf *nun* mewakili bilangan 50, huruf *dal* mewakili bilangan 4, huruf *ba'* mewakili bilangan 2, huruf *dal* (selepas huruf *ba*) mewakili bilangan 4 dan huruf *alif* mewakili bilangan satu. Maka, jumlah keseluruhannya ialah 61 *bayt*. Sulayman al-Jamzuri (2009) berkata:

أبياته نَدَّ بَدَا لَدِي النَهْيِ

Manzumah ini siap ditulis pada tahun 1198 hijrah. Tarikh ini juga dapat diketahui melalui *bayt* terakhir pada kalimah *busyra li man yutqinuha* بِشْرَى لِمَنْ يَتَّقِنُهَا. Huruf *ba'* mewakili bilangan 2, huruf *syin* mewakili bilangan 300, huruf *ra'* mewakili bilangan 200, huruf *ya'* (ia adalah huruf *alif* tetapi ditulis dengan huruf *ya'*) mewakili bilangan 10, huruf *lam* mewakili bilangan 300, huruf *mim* mewakili bilangan 40, huruf *nun* mewakili bilangan 50, huruf *ya'* mewakili bilangan 10, huruf *ta'* mewakili bilangan 400, huruf *qaf* mewakili bilangan 100, huruf *nun* mewakili bilangan 50, huruf *ha'* mewakili bilangan 5 dan huruf *alif* mewakili bilangan 1. Maka, jumlah keseluruhannya ialah 1198 hijrah. Sulayman al-Jamzuri (2009) berkata:

تَارِيخُهَا بِشْرَى لِمَنْ يَتَّقِنُهَا

Metodologi Tajwid *Manzumah Tuhfah Al-Atfal*

Sulayman al-Jamzuri telah menyusun *manzumah Tuhfah al-Atfal* kepada tiga bahagian utama iaitu mukadimah, perbincangan tajwid sebanyak 8 bab dan *khatimah* (penutup). Secara umum,

pembahagian *bayt* pada mukadimah sebanyak 5 *bayt*, perbincangan hukum tajwid sebanyak 52 *bayt* dan *khatimah* sebanyak 4 *bayt* (al-Jamzuri, 2009).

Pada bahagian mukadimah, pengarang *manzumah* telah menyatakan beberapa perkara sebagai pengenalan *manzumah* ini. Pada *bayt* pertama dan kedua, pengarang mulakan dengan memperkenalkan diri serta memohon rahmat dan pengampunan daripada Allah SWT. Setelah itu, ucapan alhamdulillah kepada Allah SWT serta selawat kepada Rasulullah SAW. Pada *bayt* ketiga sehingga kelima, pengarang telah menyatakan tujuan *manzumah* disusun, nama *manzumah*, nama guru dan pengharapan beliau. Tujuan *manzumah* ini disusun adalah sebagai asas pembelajaran ilmu tajwid dengan mempelajari beberapa hukum tajwid. Nama bagi *manzumah* tajwid dan nama guru beliau telah disebut pada pengenalan *manzumah* dan biografi pengarang sebelum ini. Di akhir mukadimah, pengarang memohon doa kepada Allah SWT agar *manzumah* ini mampu memberi manfaat kepada orang yang mempelajarinya serta memperoleh ganjaran dari sisiNya (Bahuta, 2022).

Seterusnya, bahagian kedua iaitu perbincangan ilmu tajwid. Pada bahagian ini, mengandungi lapan bab iaitu hukum *al-Nun al-Sakinah wa al-Tanwin* sebanyak 11 *bayt*, hukum *al-Nun wa al-Mim al-Musyaddatayn* sebanyak 1 *bayt*, hukum *al-Mim al-Sakinah* sebanyak 6 *bayt*, hukum *Lam Al wa Lam al-Fi'il* sebanyak 6 *bayt*, hukum *Fi Mislaln wa al-Mutaqaribayn wa al-Mutajanisayn* sebanyak 5 *bayt*, *Aqşam al-Mad* sebanyak 7 *bayt*, *Ahkam al-Mad* sebanyak 6 *bayt*, *Aqşam al-Mad al-Lazim* sebanyak 10 *bayt* (Al-Matayri, 2008). Jumlah keseluruhan *bayt* pada bahagian kedua ialah sebanyak 52 *bayt*.

Pada bab pertama, pengarang *manzumah* telah menyatakan empat hukum tajwid yang terhasil daripada hukum *al-Nun al-Sakinah wa al-Tanwin* iaitu hukum *Izhar Halqi*, *Idhgam*, *Iqlab*, dan *Ikhfa' Haqiqi*. Perbincangan hukum *Izhar Halqi* sebanyak 2 *bayt* iaitu apabila huruf *nun* atau *tanwin* bertemu dengan salah satu daripada 6 huruf *al-Halq* (kerongkong). Huruf *al-Halq* ialah *hamzah*, *ha*, 'ain, *ha*', *ghain* dan *kha*'. Perbincangan hukum *idhgam* sebanyak 4 *bayt*. Hukum *idhgam* dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu *Idhgam ma' al-Ghunnah* dan *Idhgam bi la al-Ghunnah*. Huruf *Idhgam ma' al-Ghunnah* ialah huruf *ya*', *nun*, *mim* dan *waw* dengan singkatannya *yanmu*. Huruf *Idhgam bi la al-Ghunnah* pula ialah huruf *lam* dan *ra*'. Perbincangan hukum *Iqlab* sebanyak 1 *bayt* sahaja iaitu apabila huruf *nun* atau *tanwin* bertemu dengan huruf *ba*'. Perbincangan terakhir ialah hukum *Ikhfa' Haqiqi* sebanyak 3 *bayt*. Huruf bagi hukum *Ikhfa' Haqiqi* ialah 15 huruf. Ia merupakan baki daripada 28 huruf *hija'iyah* setelah menolak 13 huruf daripada 3 hukum yang telah disebut sebelum ini (al-Jamzuri, 2009).

Pada bab kedua, pengarang *manzumah* telah menyatakan bahawa apabila huruf *Nun* dan *Mim* akan dibaca secara dengung apabila bertanda *tasydid* seperti $\u0305$ dan $\u0306$. Ini dinamakan sebagai hukum *al-Nun wa al-Mim al-Musyaddatayn*. Pada bab ketiga, pengarang *manzumah* telah menyatakan bahawa terdapat tiga hukum yang terhasil apabila huruf *mim* bertanda *sukun* ($\u0305$) bertemu dengan huruf *hija'iyah* iaitu hukum *Ikhfa' Syafawi*, *Idhgam Saghir* dan *Izhar Syafawi*. Tiga hukum ini dibahas sebanyak 3 *bayt* sahaja. Huruf bagi hukum *Ikhfa' Syafawi* sebanyak 1 huruf iaitu huruf *ba*', hukum *Idhgam Saghir* juga sebanyak 1 huruf sahaja iaitu huruf *mim*. Manakala, huruf bagi *Izhar Syafawi* sebanyak 26 huruf iaitu selain huruf *ba*' dan *mim* (al-Jamzuri, 2009).

Pada bab keempat, pengarang *manzumah* telah menyatakan hukum *lam alif* dan *lam al-Fi'il*. Hukum *lam alif* terbahagi kepada dua iaitu *lam al-Qamariyyah* dan *lam al-Syamsiyyah*. Hukum *lam al-Qamariyyah* dibaca secara *izhar* (jelas) apabila huruf *lam* bertemu dengan 14 huruf iaitu huruf *hamzah, ba', ghayn, ha', jim, kaf, waw, kha', fa', 'ain, qaf, ya', mim* dan *ha'*. Hukum *lam al-Syamsiyyah* pula dibaca secara *idhgam* (masuk) kepada huruf yang berada selepas huruf *lam*. Huruf bagi hukum *lam al-Syamsiyyah* ialah sebanyak 14 huruf iaitu selain daripada huruf *lam al-Qamariyyah*. Perbincangan terakhir dalam bab ini ialah hukum *lam al-Fi'il* seperti contoh *qul na'am* قل نعم. Huruf *lam* pada kalimah *qul* hendaklah dibaca secara *izhar*. Ia dibahas sebanyak 1 *bayt* sahaja (al-Jamzuri, 2009).

Pada bab kelima, pengarang *manzumah* telah menyatakan 3 hukum daripada hukum *Idhgam* iaitu *Mislayn, al-Mutaqaribayn* dan *al-Mutajanisayn*. Hukum *Mislayn* ialah dibaca secara *idhgam* apabila dua huruf yang sama dari sudut makhraj dan sifatnya. Hukum *al-Mutaqaribayn* ialah dibaca secara *idhgam* apabila dua huruf yang hampir sama dari sudut makhraj tetapi sebahagian sifat kedua-dua huruf berbeza. Manakala, hukum *al-Mutajanisayn* ialah dibaca secara *idhgam* apabila dua huruf yang sama makhraj tetapi berbeza sifat. Di akhir bab kelima, pengarang *manzumah* telah menjelaskan tentang perbezaan keadaan *Idhgam al-Saghir* dan *al-Kabir*. Keadaan *Idhgam al-Saghir* ialah huruf pertama *sukun* dan huruf kedua *mutaharik* (berbaris). Manakala keadaan *Idhgam al-Kabir* ialah huruf pertama dan kedua *mutaharik*. Kedua-dua keadaan *Idhgam al-Saghir* dan *al-Kabir* ini ada pada ketiga-tiga hukum *Idhgam* iaitu *Mislayn, al-Mutaqaribayn* dan *al-Mutajanisayn* (al-Jamzuri, 2009 dan al-Daba', 2009). Perbincangan hukum bacaan tidak dijelaskan secara terperinci oleh pengarang pada *manzumah* beliau. Hal ini perlu dirujuk pada kitab-kitab syarah kepada *manzumah* ini.

Selanjutnya, perbincangan hukum *mad* pada ilmu tajwid sangat luas. Didapati pengarang *manzumah* membincangkan hukum *mad* sebanyak 3 bab iaitu bermula pada bab keenam sehingga bab kelapan. Bab keenam menjelaskan tentang pembahagian *mad* iaitu *Mad Asli* dan *Mad Far'i* serta perbezaannya. Bab ketujuh dan kelapan menjelaskan tentang hukum *Mad Far'i* secara terperinci. Pada bab keenam, pengarang memulakan perbincangan perbezaan *Mad Asli* dan *Mad Far'i*. Perbezaannya ialah keberadaan *hamzah* atau *sukun* selepas huruf *Mad*. Sekiranya ketiadaan *hamzah* atau *sukun* selepas huruf *Mad* maka ia adalah *Mad Asli*. Manakala *Mad Far'i* ialah adanya *hamzah* atau *sukun* selepas huruf *Mad*. Setelah itu, pengarang *manzumah* menjelaskan asas huruf dan syarat bagi kedua-dua *Mad* ini ialah *waw* sebelumnya berbaris *dhommah, alif* sebelumnya berbaris *fathah* dan *ya'* sebelumnya berbaris *kasrah*. Pengarang menyebut singkatan bagi huruf *Mad* pada *manzumahnya* ialah *wayi* واي. Pada akhir bab keenam, didapati pengarang menyebut hukum *Mad al-Lin*. Ini kerana, ia melibatkan dua huruf daripada huruf *Mad* iaitu huruf *ya'* dan *waw*. Akan tetapi, syarat sebelum kedua-dua huruf *Mad al-Lin* ialah berbaris *fathah* (al-Jamzuri, 2009).

Seterusnya, perbincangan pada bab ketujuh dimulai dengan menyatakan terdapat 3 bentuk bacaan *Mad Far'i* iaitu *Wajib, Jaiz* dan *Lazim* (al-Jamzuri, 2009). Bacaan *Wajib* bermaksud bacaan yang wajib dibaca panjang melebihi 3 harakat oleh semua *al-Qurra'*. Akan tetapi, kadar panjang *Wajib* disisi *al-Qurra'* berbeza-beza. Bacaan *Jaiz* pula ialah bacaan panjang yang boleh dibaca sama ada 2, 4 atau 6 harakat. Kadar panjang *Jaiz* disisi *al-Qurra'*

juga berbeza. Bacaan *Wajib* dan *Jaiz* disisi *al-Qurra'* hendaklah merujuk kitab-kitab qiraat. Bacaan *Lazim* bermaksud bacaan yang tetap bagi seluruh *al-Qurra'* iaitu 6 harakat (Al-Latif, 2009). Daripada 3 bentuk bacaan ini, pengarang *manzumah* telah membincangkan 5 hukum *Mad Far'i*. Satu hukum daripada bacaan *Wajib* ialah *Mad Mutassil*. Tiga hukum daripada bacaan *Jaiz* iaitu *Mad Munfasil*, *Mad 'Arid Li al-Sukun* dan *Mad Badal*. Bacaan *Lazim* pula ialah *Mad Lazim*. Pengarang *manzumah* juga turut menjelaskan hukum *Mad Mutassil* pada *bayt* 43 iaitu adanya *hamzah* selepas huruf *Mad* pada satu kalimah (al-Jamzuri, 2009). *Mutassil* bermaksud berkumpulnya huruf *Mad* dan *hamzah* pada satu kalimah (al-Daba', 2009). Pada *bayt* 44, penjelasan hukum *Mad Munfasil* ialah huruf *Mad* dan *hamzah* terpisah pada dua kalimah (al-Jamzuri, 2009). *Munfasil* bermaksud kedudukan huruf *Mad* pada akhir kalimah (pertama) dan kedudukan *hamzah* pada awal kalimah (kedua) (al-Daba', 2009). Pada *bayt* 45, penjelasan hukum *Mad 'Arid Li al-Sukun* ialah adanya *sukun* (bukan asli) pada huruf terakhir pada sesuatu kalimah kerana memberhentikan bacaan. Pada *bayt* 46, penjelasan tentang hukum *Mad Badal* ialah kedudukan *hamzah* didahului daripada huruf *Mad*. Pada *bayt* 47, pengarang menyatakan pengenalan hukum *Mad Lazim* iaitu adanya *sukun* (asli) selepas huruf *Mad* sama ada ketika bacaan bersambung atau berhenti (al-Jamzuri, 2009).

Bab kelapan merupakan perbincangan terakhir ilmu tajwid iaitu kesinambungan pengenalan hukum *Mad Lazim* yang dinyatakan pada *bayt* 47. Bermula *bayt* 48 sehingga *bayt* 52, pengarang *manzumah* menyatakan tentang pembahagian hukum *Mad Lazim*. Keadaan *Mad Lazim* terbahagi kepada dua iaitu pada keadaan *kalimi* (kalimah) dan *harfi* (huruf). Setiap keadaan *Mad Lazim* terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bacaan secara *mukhaffaf* (tanpa proses *idhgam*) dan secara *muthaqqal* (berlaku proses *idhgam*). Oleh itu, pembahagian hukum *Mad Lazim* sebanyak 4 bahagian iaitu *Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf*, *Mad Lazim Kalimi Muthaqqal*, *Mad Lazim Harfi Mukhaffaf* dan *Mad Lazim Harfi Muthaqqal*. Pada *bayt* 53 sehingga *bayt* 57, pengarang *manzumah* menjelaskan huruf bagi hukum *Mad Lazim Harfi* serta kadar bacaan panjang bagi huruf *al-Muqatt'ah* yang berada pada awal surah. Keseluruhan huruf *al-Muqatt'ah* di dalam al-Quran sebanyak 14 huruf. Singkatan 14 huruf disebut pada *bayt* 57 iaitu *صله سحيرا من قطعك*. Huruf bagi hukum *Mad Lazim Harfi* sebanyak 8 huruf. Singkatan 8 huruf *Mad Lazim Harfi* disebut pada *bayt* 54 iaitu *كم عسل نقص*. Kesemua huruf *Mad Lazim Harfi* dibaca dengan kadar 6 harakat kecuali huruf '*ain*. Huruf '*ain* yang berada pada awal surah Maryam dan Syura dibaca dengan 2 *wajh* (bacaan) iaitu kadar 4 dan 6 harakat. Bacaan 6 harakat lebih diutamakan (al-Jamzuri, 2009). Justifikasinya huruf *ya'* sebelumnya berbaris *fathah* yang berada pada pertengahan ejaan kalimah '*ain* merupakan huruf *Mad al-Lin*. Setelah itu, pengarang *manzumah* turut menjelaskan kadar bacaan bagi 6 huruf *al-Muqatt'ah* yang berbaki. Didapati 5 huruf daripadanya pada adat sebutan orang Arab tidak mengeja dan menyebut dengan 3 huruf. (al-Bindany, 2018). Singkatan 5 huruf itu disebut pada *bayt* 56 iaitu *حي طاهر*. Kadar bacaannya ialah 2 harakat sahaja. Manakala huruf *alif al-Muqatt'ah* dibaca dengan kadar 1 harakat kerana tidak ada huruf *Mad* pada pertengahan ejaannya (al-Jamzuri, 2009).

Akhirnya, *manzumah* ini diakhiri dengan ucapan syukur kepada Allah SWT secara berterusan di atas kejayaan pengarang menyempurnakan *manzumah Tuhfah al-Atfal*. Kemudian, ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW, ahli keluarganya, para sahabat, para pengikutnya, pembaca al-Quran serta pendengar al-Quran.

Berikut adalah jadual ringkas topik perbincangan *manzumah Tuhfah al-Atfal*:

Bahagian	Topik dan Perbincangan Penting	Bilangan Matan
Mukadimah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan diri pengarang. 2. Memohon rahmat dan pengampunan daripada Allah SWT serta selawat kepada Rasulullah SAW. 3. Tujuan <i>manzumah</i> disusun. 4. Nama <i>manzumah</i>. 5. Nama guru beliau. 6. Pengharapan pengarang daripada <i>manzumah</i> yang disusun. 	5 bayt
Perbincangan Hukum Tajwid	<p>Ia dipecahkan kepada 8 bab iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hukum <i>al-Nun al-Sakinah wa al-Tanwin</i> (11 bayt). 2. Hukum <i>al-Nun wa al-Mim al-Musyaddatayn</i> (1 bayt). 3. Hukum <i>al-Mim al-Sakinah</i> (6 bayt). 4. Hukum <i>Lam Al wa Lam al-Fi'il</i> (6 bayt). 5. Hukum <i>Fi Mislaln wa al-Mutaqaribayn wa al-Mutajanisayn</i> (5 bayt). 6. <i>Aqsam al-Mad</i> (7 bayt). 7. <i>Ahkam al-Mad</i> (6 bayt). 8. <i>Aqsam al-Mad al-Lazim</i> (10 bayt). 	52 bayt
Khatimah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ucapan syukur kepada Allah di atas kejayaan menyempurnakan <i>manzumah Tuhfah al-Atfal</i> 2. Jumlah keseluruhan bayt dalam <i>manzumah</i> ialah 61 bayt. 3. Ia siap ditulis pada tahun 1198 hijrah. 4. Ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW, ahli keluarganya, para sahabat, para pengikutnya, pembaca al-Quran serta pendengar al-Quran. 	4 bayt

Keseluruhan bilangan <i>bayt</i> dalam <i>manzumah</i>	61 <i>bayt</i>
--------------------------------------------------------	----------------

Kesimpulan

Secara keseluruhan, didapati metodologi tajwid yang disusun oleh Sulayman al-Jamzuri pada *manzumah Tuhfah al-Atfal* ini mempunyai nilai kedudukan yang tinggi dalam kalangan penuntut ilmu al-Quran, qiraat serta disisi para ulama. Di antara buktinya ialah *manzumah Tuhfah al-Atfal* masih dipelajari dan dihafal oleh para penuntut ilmu al-Quran seperti di Maahad Qiraat al-Azhar, pengajian talaqqi Masjid al-Azhar, pengajian talaqqi Masjid Nabawi serta beberapa institusi Tahfiz di Malaysia walaupun usia *manzumah* ini sudah mencecah hampir 218 tahun (Jusoh, 2020). Ini menunjukkan *manzumah Tuhfah al-Atfal* memiliki keberkatan yang berterusan daripada Allah SWT.

Justeru, *manzumah Tuhfah al-Atfal* sepatutnya dijadikan sebagai asas pembelajaran ilmu tajwid di Malaysia. Penulis berpendapat pendekatan pembelajaran tajwid dalam bentuk *manzumah* lebih mudah difahami dan diingati kerana pengarang *manzumah* berusaha menonjolkan maklumat penting yang perlu diketahui oleh penuntut ilmu pada sesuatu hukum tajwid. Setiap rangkap *bayt manzumah* mengandungi kata kunci yang penting untuk difahami. Meskipun *manzumah* ini dikarang dalam bahasa Arab, ia tidak menjadi halangan kepada masyarakat awam serta penuntut ilmu al-Quran untuk mempelajarinya. Ilmu tajwid yang terkandung pada *manzumah Tuhfah al-Atfal* hendaklah diambil secara *talaqqi musyafahah* daripada guru al-Quran yang bertauliah agar memiliki kefahaman tajwid secara *riwayah* dan *dirayah*.

Penulis berharap agar penulisan ini dapat membuka minda masyarakat umumnya, penuntut ilmu serta para guru al-Quran akan kepentingan mempelajari ilmu tajwid dalam bentuk *manzumah*. Setelah mempelajari *manzumah Tuhfah al-Atfal*, penulis mencadangkan untuk mempelajari *manzumah* tajwid yang lain seperti *al-Muqaddimah al-Jazariyyah* oleh Ibn al-Jazari (w. 833H), *al-Sarsari Fi Tajwid Surah al-Fatihah* oleh al-Sarsari (w. 656H) dan selainnya. Ini semua bertujuan untuk memastikan setiap bacaan al-Quran bertepatan seperti bacaan Rasulullah SAW.

Rujukan

- al-Bindany, M. H. (2018). *Syarah Matan Tuhfah al-Atfal Bingkisan Buat Anak-Anak*. Selangor: Galeri Ilmu.
- al-Daba', A. M. (2009). *Minhah Dhi Al-Jalal Fi Syarh al-Tuhfah al-Jamzuriyyah Fi Tajwid Kalam Rabb al-Bariyyah*. Tanta, Mesir: Dar al-Sahabah.
- Al-Dani, A. A. (2000). *Tahdid fi al-Itqan wa al-Tajwid*. Oman: Dar Ammar.
- al-Dani, A. A. (t.t). *Syarh Qasidah Abi Muzahim al-Khaqani*.
- al-Hamad, G. Q. (2007). *Al-Dirasat al-Sawtiyah 'Inda 'Ulama al-Tajwid*. Amman, Jordan: Dar Ammar.

- al-Husari, M. K. (1996). *Ahkam Qira'ah al-Quran al-Karim*. Maktabah al-Makkiyah.
- al-Jamzuri, S. (2009). *Tuhfah al-Atfal*. Mansurah, Mesir: Maktabah Ibn Abbas.
- al-Jazari. (2001). *Tamhid Fi Ilm al-Tajwid*. Beirut: Risalah.
- al-Jazari, I. (2009). *Muqaddimah al-Jazariyyah*. Jeddah: Ma'had al-Imam al-Syatibi.
- Al-Karim, J. A.-M.-Q. (2014). *Al-Munir fi Ahkam Al-Tajwid*. Amman.
- Al-Khayr, S. A. (1427H). *Ghayah an-Nihayah fi Tabaqal Al-Qurra*. Darul Kitab Al-'Ilmiyah.
- al-Khayr, S. A. (t.t). *Muqaddimah Fi Ma Yajibu Ala Qari Al-Quran An Ya'lamuhu*.
- Al-Latif, A. I. (2009). *Fath al-Aqfal Syarh Tuhfah al-Atfal*. Mesir: Maktabah Ibn Abbas.
- Al-Matayri, M. F. (2008). *Al-Ihkam Fi Dabt al-Muqaddimah al-Jazariyyah Wa Tuhfah al-Atfal*. Kuwait: Ghiras publisher.
- Bahuta, M. M. (2022). *Fath al-Aqfal Bisyarh Tuhfah al-Atfal*. Arab Saudi: Syabakah al-Alukah.
- Basmeih, S. A. (t.t). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*.
- Bukhari, M. b. (2004). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Hanbal, A. I. (t.t). *Musnad Ahmad ibn Hanbal*.
- Jusoh, M. R. (2020). *Tuhfah al-Qari 'Ala Matn al-Jazari*. Selangor, Malaysia: Pustaka Khodim al-Mushaf.
- Kathir, I. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Dar Tibah.
- Mukhtar, A. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asarah*. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- Muzahim, A. (t.t). *Qasidah Abi Muzahim al-Khaqani al-Lati Qalaha fi al-Qurra' wa Husn al-Ada'*.
- Shukri, A. K. (2013). *Al-Munir Fi Ahkam al-Tajwid*. Amman, Jordan: Jam'iyyah al-Muhafazah 'ala al-Qur'an al-Karim.
- Suwayd, A. R. (2008). *Talaqqi al-Quran al-Karim 'Abr al-'Asr Ma'fhumuh wa Dawabituh*. Syria: Dar al-Gawthani.
- Sya'ban, M. (2016). *Kasykul Ibn Sya'ban - Fawai wa Syawarid Fi Asanid Wa Tarajim al-Qurra' al-Amajid*. Kuwait: Maktabah Jabir al-Ahmad al-Markaziyyah.
- Umar, A. (2008). *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asarah*. Mesir: Alim al-Kutub.
- Zainuddin, M. K. (2008). *Al-Miftah*. Senawang, Negeri Sembilan: Al-Azhar Media.